



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/1/2011

Penubuhan Suruhanjaya Diraja tepat

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Beberapa badan dan persatuan peguam menyifatkan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi meneliti serta mengkaji peraturan berkaitan soal siasat yang diguna pakai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan satu keputusan tepat kerajaan.

Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Zainul Rijal Abu Bakar berkata, ia bertujuan menambah baik prosedur siasatan serta memberi garis panduan lebih jelas

bagi badan tersebut menyelesaikan kes-kes akan datang.

"Ini kerana ia akan memperbaiki prosedur operasi standard (SOP) dalam SPRM yang sejak kebelakangan ini mendapat banyak rungutan dan aduan," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas pengumuman Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung penubuhan Suruhanjaya Diraja itu untuk meneliti dan mengkaji peraturan berkaitan soal siasat yang diguna pakai SPRM bagi menentu-

kan sama ada berlaku pencabulan hak asasi semasa proses siasatan terhadap mendiang Teoh Beng Hock.

Menurut Perdana Menteri, suruhanjaya itu akan diwujudkan dengan terma-terma khusus yang akan ditetapkan dan pihak kerajaan bakal melantik ahli-ahli suruhanjaya daripada mereka yang terbilang dan dihormati.

Rata beliau, suruhanjaya itu akan ditubuhkan selama tempoh tiga bulan selepas satu tauliah pelantikan Pesuruhjaya dikeluarkan oleh Yang

di-Pertuan Agong di bawah Seksyen 2 Akta 119 dan boleh dilanjutkan untuk tempoh masa seperti mana yang dibenarkan di bawah Seksyen 5 Akta 119.

Bagaimanapun, tegas Zainul Rijal, penubuhan suruhanjaya itu tidak boleh mengkaji siasatan kematian Setiausaha Politik kepada seorang Exco Selangor itu kerana ia melibatkan SOP yang diguna pakai pada ketika ini.

Presiden Majlis Peguam, Ragunath Kesavan turut menyatakan persetujuan badan itu serta mengalu-alukan

penubuhan suruhanjaya berkenaan bagi meneliti protokol siasatan SPRM terhadap saksi mahupun suspek mereka.

Bagaimanapun, tegasnya, skop penelitian Suruhanjaya Diraja itu perlu diperluaskan kepada SOP dalam agensi penguatkuasaan lain seperti kastam, polis serta imigresen.

"Jika skopnya diperluaskan, kepercayaan rakyat akan kembali atau bertambah terhadap kesemua agensi penguatkuasaan dalam negara," jelasnya.